

NO. SOALAN: 69

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG]**

TARIKH : 28 MEI 2015

RUJUKAN : 7917

SOALAN:

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- (a) apakah pendirian Kerajaan terhadap kumpulan "Sarawak for Sarawakians"; dan
- (b) adakah kumpulan ini akan dikenakan tindakan di bawah Akta Hasutan 1948 jikalau mereka berjuang untuk referendum diadakan dan sama ada Kerajaan membenarkan referendum diadakan supaya rakyat Sarawak diberi pilihan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), Kerajaan memandang serius berhubung isu gerakan untuk memisahkan Sabah dan Sarawak daripada Malaysia. Dalam hubungan ini, pendirian kerajaan adalah jelas bahawa gerakan ini adalah bertentangan di sudut perundangan dan kerajaan akan mengambil tindakan tegas berdasarkan undang-undang sedia ada terhadap mana-mana pihak yang terlibat dengan gerakan ini. Matlamat gerakan ini semakin jelas apabila motto “*Sarawak for Sarawakians*” sering dilaung-laungkan oleh mereka yang aktif menggerakkan kempen pemisahan tersebut.

Walau bagaimanapun, hakikatnya gerakan ini bukanlah mewakili suara keseluruhan rakyat Sarawak kerana ia hanya melibatkan sebahagian kecil kumpulan tertentu yang bertindak untuk kepentingan peribadi mereka. Namun gerakan menghasut ini jika tidak dibendung ianya mampu untuk mengganggu gugat keselamatan negara dan keharmonian yang dinikmati selama ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (b) pula, Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan di bawah undang-undang sedia ada termasuklah Akta Hasutan 1948. Walau bagaimanapun, Kertas siasatan yang telah lengkap akan dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk tindakan lanjut sekiranya hasil siasatan yang dilakukan oleh pihak polis jelas menunjukkan bahawa terdapat unsur-unsur hasutan.